

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

ACW 111 - PENGANTAR PERAKAUNAN KEWANGAN

02

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **semua** soalan.

1. Berikut ialah baki yang dipetik dari buku En. Khairul Annuar pada 31 Disember 1998.

	JUMLAH (RM)
Modal	288,500
Bangunan	135,000
Jentera	220,000
Lekapan dan Lengkapan	80,000
Peruntukan susutnilai pada 1 Januari 1997:	
Bangunan	31,750
Jentera	86,000
Lekapan dan Lengkapan	8,000
Akaun Belum Terima	37,950
Akaun Belum Bayar	27,300
Peruntukan Hutang Ragu	5,750
Pinjaman pada 1 Januari 1997- 12% setahun	60,000
Ambilan	22,500
Tunai di bank	104,000
Tunai di tangan	8,850
Inventori pada 1 Januari 1997	66,100
Belian	230,400
Jualan	472,500
Pulangan Belian	7,550
Pulangan Jualan	11,150
Kos Pengangkutan Masuk	2,300
Kos Pengangkutan Keluar	3,850
Gaji Jurujual	21,155
Insurans	7,100
Letrik dan Air	15,755
Faedah atas Pinjaman	3,600
Gaji Pentadbiran	12,000
Diskaun diberi	6,570
Diskaun diterima	12,430
Hutang Lapuk	11,500

...2/-

Pada akhir tahun, maklumat tambahan telah diberikan seperti berikut:

- (a) Inventori akhir RM81,250.
- (b) Barangniaga diambil untuk kegunaan sendiri RM6,950 belum dicatatkan.
- (c) Susutnilai tahunan pada kaedah garis lurus:
 - Bangunan 5%
 - Jentera 10%
 - Lengkapan 20%
- (d) Faedah atas pinjaman bagi enam bulan berakhir 31 Disember 1998 belum diselesaikan.
- (e) Hutang sebanyak RM50 tidak dapat dikutip.
- (f) Peruntukan hutang ragu hendaklah diubahsuai menjadi 18% daripada Akaun Belum Terima.
- (g) Gaji yang masih belum diselesaikan berjumlah RM2,750 terdiri daripada RM1,750 untuk jurujual dan RM1,000 untuk pentadbiran.
- (h) Insurans terdahulu berjumlah RM900.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Catatan pelarasan
- (ii) Imbangan Duga selepas pelarasan
- (iii) Penyata Pendapatan (atau Penyata Perdagangan, Untung dan Rugi)
- (iv) Penyata Ekuiti Pemilik
- (v) Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 1998

[30 markah]

- 2 (a) Pada 1 Januari 1998, seorang pengeluar memperolehi dua buah mesin yang sama dengan kos RM5,000 setiap satu dan sebuah alat perkakas pejabat dengan kos RM8,000. Mesin disusutnilaikan dengan kadar 20% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan. Alat perkakas pejabat dianggarkan mempunyai nilai baki sebanyak RM2,000 dengan usiaguna 6 tahun. Ia disusutnilaikan menggunakan kaedah garis lurus.

Pada 1 Januari 1999, salah satu mesin dijual dengan harga RM2,750 dan sebuah alat perkakas pejabat baru diperolehi dengan harga RM8,000.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Mesin
- (ii) Akaun Perkakas Pejabat
- (iii) Peruntukan Susutnilai untuk kedua-dua harta, dan
- (iv) Akaun Jualan Harta pada 31 Disember 1999.

...3/-

2 (b) Jelaskan maksud perbelanjaan modal dan hasil.

[15 markah]

3. En. Ali, seorang peruncit telah mengalami penurunan nilai inventornya sebanyak RM6,000 pada 31 Disember 1998 daripada RM21,000.

Beberapa nisbah perakaunan telah diperolehi berhubung dengan perniagaan Ali bagi tahun tersebut. Maklumat Persatuan Perniagaan yang mana Ali juga merupakan ahli diberikan bagi tujuan perbandingan.

NISBAH	ALI (%)	PERSATUAN PERNIAGAAN (%)
Untung bersih sebagai % modal bersih digunakan (gunakan angka akhir pada 31 Disember 1998)	15	16
Nisbah untung bersih	9	8
Jualan/ Modal bersih digunakan	166 2/3	200
Aset tetap/ Jualan	45	35
Aset semasa/ liabiliti semasa	400	287.5
(Bank + Akaun belum terima)/ liabiliti semasa	275	187.5
Margin untung kasar	25	26
(Akaun belum terima x 365) / Jualan	36.5 hari	32 17/20 hari
Pusingganti inventori (berdasarkan purata inventori bagi tahun)	10 kali	8 kali

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Perdagangan Untung dan Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 1998.
- (ii) Kenalpasti 2 aspek perniagaan En. Ali yang lebih baik dan 2 aspek perniagaan En. Ali yang kurang baik daripada angka Persatuan Perniagaan. Bincangkan kenapa anda membuat keputusan yang demikian.
- (iii) Nyatakan dua kelemahan dari jenis perbandingan yang telah digunakan.

[20 markah]

...4/-

4. (a) Terangkan dengan jelas apakah yang anda fahami tentang ayat “ Untung Bersih bukanlah perbezaan di antara penerimaan dan pembayaran tunai” (Konsep Akru).
- (b) “Objektif laporan kewangan ialah memberi maklumat kepada pengguna yang berkenaan”. Berikan tiga pengguna tersebut dan terangkan bagaimana laporan kewangan boleh memberi faedah kepada mereka.
- (c) Terangkan apakah maksud “Konsep Konservatisme” dan bila ia digunakan oleh akauntan.
- (d) Nyatakan dan berikan contoh 4 jenis kesilapan yang boleh menjejaskan jumlah imbalan duga.

[15 markah]

5. (a) Puan Molly memulakan perniagaan perseorangan menjual barangan Cosway pada 1 April 1998. Pada tarikh tersebut, wang ditangannya berjumlah RM100 dan di dalam bank berjumlah sebanyak RM3,000. Dia tidak menyimpan rekod-rekod yang lengkap.

Pada 31 Mac 1998, wang ditangannya berjumlah RM800 dan di dalam bank berjumlah RM2,500. Inventori perdagangan telah dinilai sebanyak RM4,200 dan keretanya telah dinilai dengan harga RM3,500. Kereta tersebut adalah pada asalnya kepunyaan persendirian Pn Molly dan dibawa masuk sebagai aset perniagaan di dalam tahun itu.

Dalam tahun tersebut juga, Pn Molly telah mengeluarkan sebanyak RM300 dari bank untuk kegunaan sendiri.

Anda dikehendaki menyediakan satu Penyata Untung dan Rugi Puan Molly untuk mengetahui keuntungan yang diperolehi bagi tahun yang berakhir pada 31 Mac 1998 berdasarkan maklumat yang diberikan.

[10 markah]

- (b) Dua buah syarikat, NITO yang menggunakan kaedah MKKD dan NATO yang menggunakan kaedah MDKD menjalankan perniagaan menjual barangan terpakai. Mereka bersaing hebat didalam perniagaan tersebut. Ukuran perniagaannya serta situasi operasinya sama. Perbezaan kedua-dua perniagaan tersebut hanya pada sistem perakaunan mereka.

Inventori awal mereka ialah 10,000 kilogram dan mempunyai kos RM50 sekilogram. Pada tahun tersebut, setiap satu syarikat telah membeli 50,000 kilogram dengan harga berikut:

...5/-

- 20,000 @ RM60 pada 17 Mac
- 30,000 @RM70 pada 5 Oktober

Setiap syarikat menjual 45,000 kilogram dengan harga purata RM100 sekilogram. Perbelanjaan lain selain dari kos barang dijual (tidak termasuk cukai pendapatan) berjumlah RM650,000. (Abaikan cukai).

Anda dikehendaki:

- (i) Menyediakan pendapatan bersih bagi tahun tersebut untuk kedua-dua syarikat itu
- (ii) Sebagai seorang pengurus, kaedah yang manakah yang lebih anda gemari? Kenapa? Jelaskan.

[10 markah]

---ooo000ooo---